



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 3.00 petang, 21 Jun 2026

Untuk Terbitan Media  
21 Jun 2026

## **SIARAN MEDIA**

### **KESUMA JANGKA BENTANG SKIM PENGEMBARA DI SIDANG PARLIMEN DEPAN**

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bakal membentangkan Skim Pengembara pada mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat, sebelum dibawa ke sidang Parlimen akan datang.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, memaklumkan bahawa langkah strategik ini merupakan sebahagian daripada reformasi perlindungan sosial negara yang bermatlamat untuk menutup kelompangan dalam jaringan keselamatan sosial bagi warganegara Malaysia yang mencari rezeki di luar negara, khususnya di Singapura.

Jelasnya, usaha terbaharu itu dijangka memberi perlindungan sewajarnya kepada sekitar 480,000 rakyat Malaysia yang berulang-alik setiap hari antara Johor dan Singapura.

"Ketika ini, diaspora Malaysia berdepan risiko tinggi kerana tidak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada sistem keselamatan sosial di Malaysia mahupun di Singapura sekiranya berlaku sebarang musibah.

"Justeru, Skim Pengembara ini akan dilaksanakan melalui perluasan liputan perlindungan di bawah Akta 789 atau Skim LINDUNG Kendiri di bawah seliaan PERKESO, di mana individu yang layak boleh membuat caruman bagi mendapatkan akses lapan jenis faedah yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-tama perasmian Karnival LINDUNG Kerjaya MADANI Jelajah LINDUNG PERKESO yang berlangsung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kempas, Johor Bahru, hari ini.

Selain pengumuman skim tersebut, Ramanan berkongsi prestasi pasaran buruh di Johor bagi suku pertama tahun ini yang menyaksikan kadar pengangguran kekal pada paras rendah iaitu 2.4 peratus, lebih baik berbanding kadar purata nasional 2.9 peratus.

Pada masa sama, katanya, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di negeri itu berada pada tahap 71.6 peratus, melepasi kadar purata nasional iaitu 70.9 peratus.

"Pertumbuhan positif ini dipacu keberkesanan portal perkhidmatan pencarian pekerjaan, MYFutureJobs yang mana bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini sahaja, sebanyak 66,661 kekosongan jawatan diiklankan dengan rekod pendaftaran pencari kerja di Johor adalah seramai 361,067 individu.

"Daripada jumlah ini, 161,893 individu berjaya ditempatkan dalam pelbagai sektor pekerjaan," katanya.

Karnival LINDUNG Kerjaya Madani kali ini menghimpunkan 20 majikan yang menawarkan lebih 2,000 kekosongan jawatan, termasuk berkemahiran tinggi dengan tawaran gaji kompetitif mencecah RM16,000 sebulan.

Antara majikan yang menyertai karnival ini ialah Celestica Electronics (M) Sdn Bhd, Flextronics Shah Alam Sdn Bhd, Guan Chong Cocoa Manufacturer Sdn Bhd, Hydro Metal (M) Sdn Bhd, Mutiara Qtech Corp Sdn Bhd dan lain-lain.

Program ini turut diperkasa dengan penyediaan perkhidmatan percuma seperti kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran dan bimbingan pembangunan kerjaya oleh pegawai berpengalaman PERKESO bagi membantu pencari kerja memetakan hala tuju masa depan mereka.

Orang ramai boleh melayari [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) untuk carian pekerjaan secara dalam talian secara percuma atau mendaftar untuk menghadiri karnival kerjaya MYFutureJobs. Majikan yang ingin menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs juga boleh melayari laman sesawang yang sama.

**##TAMAT##**

## **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**21 Jun 2026**